

## **1. RK20 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Komputer)**

Program ini telah diperkenalkan untuk membekalkan tenaga pekerja mahir serta cekap dalam merekabentuk perkakasan dan perisian di mana penumpuan diberikan kepada rekabentuk sistem terbenam dan sistem komputer. Ia selaras dengan pertumbuhan pesat industri perkakasan dan perisian komputer di Malaysia. Berbekalkan kelebihan sistem pengajaran secara aplikasi pengetahuan terhadap perisian-perisian dan perkakasan-perkakasan yang berkaitan dan terkini. Dengan pengetahuan tersebut para graduan akan mempunyai keyakinan yang tinggi serta dapat menyesuaikan diri dengan cepat sama ada dalam sektor industri atau R&D.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Perisian
- Jurutera DSP
- Jurutera Pengujian
- Perunding Kejuruteraan
- Jurutera Proses
- Pemaju Perisian
- Jurutera R&D
- Jurutera Rekabentuk Litar Bersepadu
- Ahli Akademik
- Jurutera Perkakasan
- Jurutera Produk
- Jurutera Jualan
- Jurutera Pembangunan
- Jurutera Kawalan Kualiti/Piawaian
- Usahawan
- Jurutera Instrumentasi
- Pegawai Sistem (IT)

## **2. RK53 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Perhubungan)**

Program ini diperkenalkan untuk menghasilkan graduan profesional yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus dalam bidang kejuruteraan perhubungan yang berkait rapat seperti industri telekomunikasi tanpa kabel, teknologi sistem gelombang mikro, sistem gentian optik, sistem perhubungan satelit dan teknologi antena. Graduan program Sarjana Muda Kejuruteraan Perhubungan berpeluang menceburi industri telekomunikasi negara yang kini pesat membangun. Para lulusan juga mempunyai pilihan kerjaya yang luas dalam sektor pengendalian perkhidmatan telekomunikasi sama ada di sektor industri, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta firma-firma perundingan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Komunikasi
- Jurutera Perkakasan
- Jurutera DSP
- Jurutera Sistem (Telekomunikasi)
- Jurutera Optik
- Jurutera Komunikasi Satelit
- Jurutera Telekomunikasi
- Jurutera Projek (Komunikasi)
- Jurutera Operasi Rangkaian (Pusat Panggilan/ Bantuan)
- Jurutera Tapak (Sokongan Frekuensi Radio)
- Jurutera RF/Selular/ Antena/ Gelombang Mikro
- Jurutera Telefon (VOIP)
- Jurutera Perisian Komunikasi
- Jurutera Transmisi/ Penyiaran
- Jurutera Sistem Radar
- Jurutera Perunding (R/bentuk Telekomunikasi)
- Ahli Akademik

### 3. RK93 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Rangkaian Komputer)

Program ini diperkenalkan bagi memenuhi keperluan jurutera rangkaian komputer yang kompeten di dalam memahami, merekabentuk, menganalisa dan mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dengan peranti elektronik dan perisian di dalam sistem rangkaian komputer dan telekomunikasi. Asas pengukuhan jurutera yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada bidang elektronik, sistem telekomunikasi dan pengetahuan tambahan yang berkaitan dengan rangkaian komputer. Kepelbagaian sistem rangkaian pada masa kini dan akan datang sama ada berwayar atau pun tanpa wayar menjadi suatu kemestian bagi jurutera ini memahami teori yang berkaitan dengan asas elektronik, media dan sistem penghantaran digital, teknik pengkodan, pengaturcaraan, kejuruteraan trafik dan keselamatan rangkaian. Para graduan berpeluang bekerja di industri elektronik yang berkaitan, sektor IT terutama pengendalian sistem rangkaian dan penyelidikan di dalam bidang kejuruteraan elektronik, telekomunikasi, komputer dan rangkaian.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Rangkaian
- Jurutera Sistem
- Jurutera Teras Rangkaian (IP)
- Jurutera Keselamatan Rangkaian
- Jurutera Perisian
- Jurutera Projek (Rangkaian)
- Jurutera Perunding (R/bentuk Rangkaian/Pra-jualan)
- Jurutera Operasi Rangkaian (Pusat Panggilan/ Bantuan)
- Ahli Akademik
- Jurutera Elektronik/ Perkakasan Rangkaian
- Jurutera Tapak (Rangkaian Tanpa Wayar)
- Jurutera Gentian Optik/ Infrastruktur Rangkaian
- Jurutera Pusat Data/Rangkaian Awan
- Jurutera Jualan (Penyelesaian Rangkaian)
- Jurutera Perancang/ Rekabentuk Rangkaian
- Jurutera Rangkaian Sokongan (Pengurusan Perkhidmatan)
- Pegawai Rangkaian